



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

Parliamentary Debates

KAMAR KHAS

Special Chamber

PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA

Bil. 36

Isnin

30 Oktober 2017

KANDUNGAN

UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M.17]:

- **Tindakan Kerajaan Persekutuan untuk Menyelesaikan Masalah Bekalan Air dan Kemudahan Infrastruktur di Pulau Gaya, Kota Kinabalu dan Kampung Numbak, Sepanggar**
– *YB. Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy (Kota Kinabalu)*

[Halaman 1]

**MALAYSIA
KAMAR KHAS
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA
Isnin, 30 Oktober 2017**

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)
mempengerusikan Mesyuarat]*

**UCAPAN DI BAWAH USUL
BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)**

Tindakan Kerajaan Persekutuan untuk Menyelesaikan Masalah Bekalan Air dan Kemudahan Infrastruktur di Pulau Gaya, Kota Kinabalu dan Kampung Numbak, Sepanggar

2.35 ptg.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Pulau Gaya merupakan sebuah pulau yang sangat hampir dengan Bandaraya Kota Kinabalu yang cuma mengambil masa sepuluh minit masa perjalanan dengan menaiki bot. Walaupun demikian, kira-kira 10,000 penghuni Pulau Gaya dalam kawasan Dewan Undangan Negeri Tanjung Aru dan Parlimen Putatan masih berhadapan dengan masalah kemiskinan dan tiada sistem air terawat.

Tuan Yang di-Pertua, akibat dari masalah ini, penduduk Pulau Gaya terpaksa bergantung kepada 'peniaga air' yang mengambil kesempatan, mengaut keuntungan besar di atas kesukaran yang dialami penduduk kampung. Tuan Yang di-Pertua, apa yang menimbulkan persoalan ialah ada sebuah tangki air yang penuh dengan air di atas sebuah bukit di Pulau Gaya, di mana jika difikir dari aspek kewujudannya, takungan air tersebut mampu menyalurkan air untuk kegunaan seluruh kampung.

Masalah air ini turut dialami penduduk Kampung Numbak, Sepanggar, di mana lokasinya juga tidak jauh dari Bandaraya Kota Kinabalu. Rata-rata masih ada penduduknya tidak ada kemudahan asas seperti paip air bermeter dan terpaksa membeli air dengan harga 50 sen segalen untuk kegunaan seharian. Maka air itu sampai RM35, 200 liter sahaja di Pulau Gaya. Mungkin ini saya fikir adalah air paling mahal di dunia. Kita ada tanya, 1,000 = RM1.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Baca teks.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Akan tetapi di sini...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:
[Ketawa]

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Di Kota Kinabalu. Akan tetapi orang miskin yang makan nasi yang mahallah, beli beras yang mahal. Jadi, inilah saya pun ambil masa ini. Masalahnya ini turut dialami penduduk Kampung Numbak, Sepanggar di mana lokasinya juga tidak jauh daripada Bandaraya Kota Kinabalu rata-rata masih ada penduduk tidak ada kemudahan asas seperti paip.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Itu sudah baca.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Ya, saya *repeat*. Selain masalah tiada bekalan air paip bermeter, keadaan jambatan juga sudah usang tanpa penyelenggaraan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:
Usang ini terlalu buruk, ya?

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Ya, buruk. Sama buruk juga. Longkang sini, longkang sana. Budak-budak pun lari-lari jatuh di laut. Jadi tanpa penyelenggaraan yang menjadi laluan utama penduduk kampung, sangat menyukarkan pergerakan terutama ketika membawa barang berlebihan.

Tuan Yang di-Pertua, akan tetapi perkara yang sangat membimbangkan adalah keadaan kampung yang sangat kotor kerana terdapat longgokan sampah sarap yang berkumpul di setiap penjuru dan bawah rumah dan dikhuatiri keadaan ini boleh menjadi penyumbang utama kepada pelbagai jenis penyakit dan wabak ke atas penduduk kampung terutamanya golongan kanak-kanak.

Tuan Yang di-Pertua, pihak majlis perbandaran sepatutnya menyediakan kemudahan tong sampah untuk kemudahan penduduk kampung agar masalah pencemaran sampah di kampung tersebut dapat diatasi.

Oleh itu, saya harap kerajaan boleh melihat sendiri masalah di kampung dan kawasan yang disebutkan tadi dengan teliti. Saya juga harap kerajaan boleh mengambil tindakan dengan segera, boleh Yang Berhormat Menteri? [Ketawa]

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub]: Nanti saya jawab.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Ya. Saya juga harap kerajaan

boleh mengambil tindakan dengan segera kerana lokasi kedua-dua kampung cuma kurang 10 kilometer dari Bandaraya Kota Kinabalu dan tidak lebih lima kilometer dari Ketua Menteri punya *office*. Sekian, terima kasih.

■1440

2.40 ptg.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kota Kinabalu. *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Salam Negaraku Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin membetulkan sedikit fakta yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Kota Kinabalu. Yang Berhormat menyebut air paling mahal dalam dunia. Untuk makluman Yang Berhormat, pada pandangan saya air ini banyak jenis air. Saya rasa di situ bukanlah air yang paling mahal banyak lagi air lain yang lebih mahal daripada hari ini. Kecuali kalau air bersih, air bersih yang lebih mahal itu mungkin ya lah.

Untuk makluman Yang Berhormat, semua perancangan berkenaan pembangunan infrastruktur asas adalah tertakluk kepada Senarai Keutamaan daripada Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN) yang telah dikemukakan melalui Unit Perancangan Ekonomi (UPEN) Sabah dan seterusnya dikemukakan kepada pihak kementerian.

Sungguhpun begitu, kerajaan melalui kementerian ini sentiasa membantu dan membangunkan terutama di Pulau Gaya dan kawasan Sepanggar. Pelaksanaannya juga adalah bergantung kepada kedudukan semasa peruntukan yang telah diluluskan oleh kerajaan melalui bajet oleh kementerian.

Bagi pelaksanaan projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB), kementerian telah melaksanakan satu projek iaitu Projek Pemasangan Paip Bekalan Air ke Pulau Gaya, Sabah dengan kos keseluruhan projek berjumlah RM93 juta. Projek ini telah siap sepenuhnya pada 13 September 2013 dan telah pun diserahkan kepada Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN). Oleh yang demikian, pengoperasian dan penyelenggaraan menjadi tanggungjawab Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN) sendiri. Maknanya kita buat, peruntukan kita. Kemudian, selepas siap kita serahkan kepada Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN).

Untuk makluman Yang Berhormat juga, dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, sejumlah RM85.5 juta telah diperuntukkan untuk pelaksanaan dua projek (BALB) di Parlimen Sepanggar iaitu Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Kampung Kokol dan kawasan sekitarnya, Menggatal, Sabah dan Projek Bekalan Air Luar Bandar, Kampung

Poring-Poring dan kawasan sekitar Sabah. Status terkini pelaksanaan projek ini adalah dalam proses reka bentuk dan juga pihak kementerian sedang mengenal pasti kawasan-kawasan untuk dijadikan sumber air yang kita kenal pasti.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, berkenaan dengan Pulau Gaya tadi, sebenarnya pihak Yang Berhormat bolehlah berbincang dengan ADUN untuk mengutarakan perkara ini di dalam sidang Dewan Undangan Negeri di peringkat Sabah kerana ia tidak ada perkara-perkara yang melibatkan kementerian lagi setakatnya selepas kita serahkan keseluruhan projek ini untuk diputuskan di peringkat negeri.

Berhubung jambatan yang sudah usang, Yang Berhormat sebut tadi, ada kanak-kanak jatuh dalam laut itu. Kementerian ini mencadangkan Yang Berhormat mengemukakan permohonan tersebut kepada Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN), Sabah bagi tujuan siasatan dan pelarasan permohonan peruntukan tersebut.

Berhubung dengan masalah sampah sarap di kawasan kampung tersebut yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat, ianya bukan terletak di bawah bidang kuasa kementerian ini. Ianya menjadi kuasa mutlak di bawah pihak berkuasa tempatan (PBT). Ahli Yang Berhormat juga boleh mengemukakan masalah ini kepada majlis bandar raya atau pun Bandaraya Kota Kinabalu. Saya tidak berapa pasti, Bandaraya Kota Kinabalu bagi tujuan menyelesaikan perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh pihak Yang Berhormat.

Saya rasa setakat itu sahajalah jawapan yang mampu untuk kami sediakan kerana ianya banyak berkaitan dengan pelaksanaan yang perlu diselaraskan dengan pihak kerajaan negeri. Apa pun saya ucapkan terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat Kota Kinabalu walaupun saya difahamkan Pulau Gaya ini pengundinya adalah dalam Parlimen Putatan, akan tetapi keprihatinan Yang Berhormat ini jelas melambangkan kecaknaan Yang Berhormat kepada rakyat di kawasan sana, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang, hari Selasa, 31 Oktober 2017.

[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 2.46 petang]